



Kenyataan Dasar

1/2024

Date: 11 Julai 2024

Perkembangan Ekonomi Global Dan Serantau

1. Laporan World Economic Outlook edisi April 2024 terbitan International Monetary Fund (IMF) mengunjurkan ekonomi global akan terus tumbuh pada kadar 3.2% pada tahun 2024 dan 2025, sama seperti kadar pada tahun 2023. Unjuran ini mengambil kira jangkaan aktiviti yang lebih kukuh daripada ekonomi maju, terutamanya di Amerika Syarikat. Namun demikian, jangkaan tersebut diimbangi oleh kelembapan pertumbuhan ekonomi-ekonomi yang baru muncul dan yang sedang membangun. Secara amnya, pertumbuhan ekonomi global dijangka akan kekal stabil dan berdaya tahan namun tidak seimbang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa risiko penurunan pertumbuhan termasuk kadar faedah tinggi yang berpanjangan, peningkatan ketegangan perdagangan, kemerosotan pasaran hartanah di China, dan peningkatan dalam ketidakpastian isu geopolitik.
2. Inflasi global dijangka menurun daripada 6.9% pada tahun 2023 kepada 5.9% pada tahun 2024. Penurunan yang ketara telah direkodkan bagi harga minyak dan makanan, berikutan kesan dasar monetari yang masih ketat untuk menangani inflasi. Penggubal dasar perlu berwaspada dalam mengimbangi objektif kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi, dan pada masa yang sama mengharungi cabaran-cabaran persekitaran domestik dan global. Terdapat jangkaan meluas bahawa penurunan dasar monetari akan dilaksanakan menjelang akhir tahun 2024, tertakluk kepada perkembangan data inflasi, terutamanya di kalangan ekonomi-ekonomi maju.
3. Harga minyak telah beransur-ansur meningkat bermula awal tahun ini, didorong oleh peningkatan dalam tahap permintaan minyak mentah berikutan pemulihan ekonomi Republik Rakyat China, pembelahan geopolitik yang berterusan di antara Rusia dan Ukraine, dan ketegangan di Timur Tengah. Pelanjutan sekatan pembekalan minyak oleh Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum Plus (OPEC+) sejak April 2023 juga mendukung kenaikan harga minyak, dengan beberapa negara OPEC+

mengumumkan sekatan tambahan secara sukarela bagi suku kedua 2024. Memandang ke hadapan, halatuju harga minyak adalah tertakluk kepada faktor-faktor seperti permintaan dari Republik Rakyat China dan tahap pembekalan minyak dari negara-negara bukan OPEC+. Sementara itu, harga gas asli telah menurun dengan signifikan pada suku pertama 2024 disebabkan oleh kadar penggunaan yang rendah di Amerika Syarikat dan inventori yang tinggi diakibatkan suhu panas semasa musim sejuk. Harga gas asli dijangka akan pulih secara perlahan menjelang akhir tahun dengan jangkaan musim sejuk yang lebih dingin dan peningkatan ekspot ke negara-negara Eropah.

Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam

4. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam telah meningkat sebanyak 6.8% pada suku pertama 2024 dengan peningkatan sebanyak 8.9% bagi Sektor Minyak dan Gas dan 5.0% bagi Sektor Bukan Minyak dan Gas. Peningkatan Sektor Minyak dan Gas disebabkan oleh peningkatan aktiviti Perlombongan Minyak dan Gas, dan Pembuatan Gas Asli Cecair [LNG], masing-masing meningkat sebanyak 7.3% dan 14.1%. Manakala, pertumbuhan Sektor Bukan Minyak dan Gas didorong oleh pertumbuhan dalam sektor seperti Aktiviti Hiliran [*Downstream Activities*], Perhubungan, dan Perdagangan Borong dan Runcit.
5. Pertumbuhan ekonomi domestik dijangka akan bertambah baik pada tahun 2024 dengan peningkatan dalam beberapa sektor. Walau bagaimanapun, risiko penurunan masih kekal dengan ketidakpastian dalam harga komoditi serta tahap pengeluaran minyak mentah dan LNG yang rendah. Indeks Sentimen Perniagaan (Business Sentiment Index) berada di tahap 50.0 secara purata, mencerminkan sentimen yang berbeza-beza di kalangan perniagaan sektor swasta bagi lima bulan pertama tahun 2024. Secara amnya, prestasi perniagaan sektor swasta dipengaruhi oleh acara-acara rasmi dan perayaan, musim cuti persekolahan, dan tenaga kerja yang mencukupi. Purata sub-indeks pelaburan, pekerjaan dan kos masing-masing berada di atas tahap 50.0 pada tempoh yang sama, disebabkan oleh perancangan untuk mengembangkan perniagaan serta projek-projek baharu dan yang sedang dilaksanakan.
6. Selaras dengan tren penurunan kadar inflasi global, Negara Brunei Darussalam mencatatkan deflasi pada lima bulan pertama 2024, iaitu -0.3% tahun-ke-tahun berbanding 0.8% dalam tempoh yang sama pada tahun 2023. Sebahagian besar penurunan ini disumbang oleh penurunan dalam indeks barang Bukan Makanan seperti Pakaian dan Kasut, Pengangkutan, dan Perhubungan. Penurunan harga di Negara Brunei Darussalam didorong oleh faktor-faktor seperti subsidi, kawalan harga bagi sebahagian barang, dan dasar monetari yang dikendalikan. Kesan inflasi yang diimport ke atas harga domestik

adalah terkawal dengan adanya kesamarataan nilai dolar Brunei dengan dolar Singapura, diikuti dengan pengekalan tahap dasar monetari yang dilaksanakan oleh Monetary Authority of Singapore (MAS) pada April 2024. Mengambil kira faktor-faktor tersebut serta data Indeks Harga Pengguna (IHP) yang sedia ada, BDCB menjangka kadar inflasi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2024 adalah dalam lingkungan -0.5% hingga 0.5%.

Perkembangan Sektor Monetari dan Kewangan Negara Brunei Darussalam

7. Mengambil kira kadar faedah global yang dijangka akan terus berada di tahap yang tinggi, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari (FMSC) menaikkan Kadar Pinjaman Semalam BDCB (BDCB Overnight Standing Facility) sebanyak tiga kali, masing-masing pada kadar 50 mata asas (*basis points*) semasa mesyuarat jawatankuasa tersebut pada bulan April, Mei, dan Jun 2024. Berikut ini, Kadar Simpanan Semalam adalah 3.0%, sementara Kadar Pinjaman Semalam dikekalkan pada 4.0%. Ini adalah untuk memastikan operasi monetari BDCB kekal selaras dengan prinsip Lembaga Mata Wang (Currency Board) dan pada masa yang sama, menggalakkan aktiviti pasaran wang domestik.
8. Sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan Islam dan konvensional, merekodkan peningkatan sebanyak 2.9% tahun-ke-tahun dengan nilai aset keseluruhan sebanyak BND24.6 bilion pada suku pertama 2024. Dari jumlah tersebut, BND14.5 bilion merupakan aset sektor kewangan Islam, manakala sektor konvensional pula mempunyai aset berjumlah BND10.1 bilion. Institusi-institusi penerima deposit menyumbangkan sebanyak 91.7% daripada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan dengan nilai aset sebanyak BND22.5 bilion.
9. Berdasarkan analisa dan penilaian makroprudential BDCB bagi suku pertama tahun 2024, risiko luaran yang memberi kesan kepada ekonomi global boleh melimpah kepada ekonomi dan sektor kewangan domestik. Walau bagaimanapun, industri perbankan kekal kukuh dan berdaya tahan dengan Agregat Nisbah Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratio) sebanyak 20.9%, iaitu melebihi keperluan minima 10.0% seperti yang ditetapkan di dalam Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Industri perbankan mempunyai aset cair yang mencukupi untuk mendukung aktiviti-aktiviti perantaraan kewangan dengan Nisbah Aset Cair kepada Aset Keseluruhan (Liquid Assets-to-Total Assets) sebanyak 43.7%. Jumlah keseluruhan aset industri perbankan meningkat sebanyak 2.1% tahun-ke-tahun kepada BND20.4 bilion disebabkan oleh peningkatan aktiviti pinjaman/pembiayaan daripada bank-bank.

10. Pada suku pertama 2024, Nisbah Kredit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar [Credit-to-GDP] adalah sebanyak 47.0% berbanding 41.8% pada suku pertama 2023. Jumlah keseluruhan pinjaman/pembentukan juga telah meningkat sebanyak 14.0% tahun-ke-tahun kepada BND7.2 billion pada suku pertama 2024, didorong oleh aktiviti pinjaman/pembentukan kepada sektor korporat, terutamanya sektor hartanah komersial. Kualiti aset bagi industri perbankan juga bertambah baik pada suku pertama tahun 2024 dengan Nisbah Bersih Pinjaman/Pembentukan Tertunggak [Non-Performing Loans/Finance] pada kadar 1.5% berbanding dengan 1.9% bagi suku pertama tahun 2023.
11. Manakala, deposit industri perbankan menurun sebanyak 1.9% tahun-ke-tahun kepada BND16.6 bilion disebabkan oleh penurunan *demand deposits*. Pada masa yang sama, pulangan keuntungan industri perbankan menurun dari tahun sebelumnya di mana agregat Nisbah Pulangan kepada Aset [Return on Assets] dan Pulangan kepada Ekuiti [Return on Equity] masing-masing menurun sebanyak 2.0% dan 13.0%.
12. BDCB akan terus menilai dan memastikan kesesuaian rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan secara keseluruhan ke arah memupuk pembangunan sistem kewangan sambil memelihara kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam. Ini termasuk penyelesaian ke atas rangka kerja yang sedia ada sejajar dengan perkembangan piawaian terkini dan amalan terbaik antarabangsa. Sebagai sebahagian daripada keperluan untuk penggunaan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa [IFRS] 17 bagi tahun kewangan 2023, BDCB telah memberikan tempoh lanjutan sementara selama 6 bulan kepada pengendali takaful dan syarikat insurans. Ini adalah untuk memberi peluang untuk membuat penelitian terhadap perubahan unik yang diperlukan oleh piawaian baharu tersebut bagi Penyata Kewangan Beraudit [Audited Financial Statements] masing-masing bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023.
13. Seterusnya, BDCB telah membuat pindaan ke atas Garispanduan bagi Pengeluaran Debentur [Guidelines on the Issuance of Debentures] yang berkuatkuasa pada 5 Januari 2024 yang memudahkan penggunaan ASEAN Sustainability-Linked Bonds Standards dalam pasaran modal Negara Brunei Darussalam. Garispanduan menetapkan piawaian-piawaian yang bersesuaian bagi pihak-pihak yang ingin menerbitkan debentur di negara ini.
14. Pada bulan April 2024, BDCB telah mengeluarkan Garispanduan bagi Kaji Selidik Pelaporan Data Tenaga Kerja Sektor Kewangan kepada institusi-institusi kewangan yang berlesen di Negara Brunei Darussalam. Kaji selidik tersebut bertujuan untuk mendukung pembangunan sektor kewangan dengan

mendapatkan maklumat mengenai permintaan tenaga kerja, tren-tren pekerjaan yang baharu, dan mengenal pasti jurang-jurang kemahiran dan kelayakan dalam sektor kewangan.

Sumber data:

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi
International Monetary Fund (IMF)